

‘Kerajaan sedia kaji GST jika itu kehendak rakyat

Pelaksanaan tak mungkin dilakukan dalam Belanjawan 2020: PM

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Suhaila Shahrul Annuar
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia mengkaji semula pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sekiranya itu kehendak rakyat.

“Kalau itu kehendak rakyat, kita akan kaji sama ada GST lebih baik daripada SST (Cukai Jualan dan Perkhidmatan) atau tidak,” kata Perdana Menteri.

Ditanya sama ada pelaksanaan GST boleh dimasukkan dalam Belanjawan 2020 yang akan dibentangkan pada 11 Oktober ini, beliau menegaskan, ia tidak mungkin dilakukan.

“Bajet ini susahlah. Mungkin kemudian,” kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas melancarkan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA), di sini, semalam.

Pelaksanaan GST pada kadar enam peratus dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) mulai 1 April 2015 sebelum dimansuhkan selepas Pakatan Harapan (PH) menang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pada Mei 2018.



Dr Mahathir bersama Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Setiausaha KDN, Tan Sri Alwi Ibrahim menunjukkan buku DKKA selepas melancarkan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam itu, di Putrajaya, semalam.
(Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH)

Selepas pemansuhan sistem percukaian berkenaan, kerajaan PH memperkenalkan semula SST pada 1 September 2018 yang sebelum itu juga dimansuh untuk digantikan dengan GST.

Selasa lalu, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) berharap GST diperkenalkan semula dalam Belanjawan 2020 untuk menutup jurang kewangan kerajaan.

Pengerusinya, Tan Sri Dr Kamal Salih yang menyifatkan sistem cukai sebelum ini lebih adil dan cekap berbanding SST, menyarankan kadar bersesuaian ti-

ga peratus ditetapkan jika GST diperkenalkan semula.

MIER juga berpendapat pengenal semula GST pada kadar lebih rendah bersama pemberian subsidi, akan dapat membantu mengurangkan kos sara hidup golongan memerlukan, terutama rakyat berpendapatan rendah.

Sebelum itu, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Abdul Yazid Othman, dilaporkan berkata, tidak salah untuk kerajaan melaksanakan semula GST jika wujud keperluan berbuat demikian.

BH pernah melaporkan Pengu-

rus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, memaklumkan GST menyumbang RM44 bilion kepada pendapatan negara pada 2017.

SST pula, katanya, diunjurkan menyumbang kira-kira RM22 bilion bagi tempoh 2019, iaitu kekurangan pendapatan kira-kira RM22 bilion berbanding sistem percukaian lama.

Cadangan perkenal semula GST wajar. Muka 29